



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBHG. DATO' NOR SAM BINTI ALWI
KETUA PENGARAH PERTANIAN**

**SEMPENA
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-11
PERSATUAN PERSARA JABATAN PERTANIAN**

**29 JANUARI 2026 | KHAMIS
ILPP SERDANG, SELANGOR**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh bermakna ini sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Ke-11 Persatuan Pesara Jabatan Pertanian.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Persatuan Pesara atau Alumni Jabatan Pertanian atas kesudian menjemput saya untuk menyampaikan Amanat Tahun 2026 dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan pada hari ini.
3. Saya juga ingin memohon maaf kerana tidak dapat memenuhi undangan pada sesi pagi tadi berikutan urusan rasmi lain di peringkat Kementerian. Justeru, saya difahamkan pihak Persatuan telah memberi laluan kepada sesi taklimat berkaitan Pindaan Akta 634: Perlindungan Varieti Baharu Tumbuhan serta Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tanaman, yang sememangnya penting dan relevan dengan hala tuju sektor pertanian negara.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

4. Saya berasa amat terharu dan berbesar hati kerana diberi kepercayaan untuk merasmikan majlis pada hari ini. Sesungguhnya, Persatuan Pesara Jabatan Pertanian amat dekat di hati saya kerana persatuan inilah yang menjadi wadah menghimpunkan warga Jabatan Pertanian yang telah bersara setelah sekian lama mencurahkan bakti kepada perkhidmatan awam dan negara.
5. Saya maklum bahawa Persatuan ini telah melaksanakan pelbagai aktiviti yang memberi manfaat besar kepada ahli-ahlinya, khususnya dalam aspek kebajikan dan pengukuhan silaturahim. Program seperti majlis pertemuan sempena perayaan, lawatan ziarah kepada pesara yang uzur atau sakit, serta bantuan kebajikan yang berterusan jelas mencerminkan keprihatinan dan semangat kekeluargaan yang tinggi dalam kalangan warga pesara Jabatan Pertanian.
6. Saya juga amat mengalu-alukan hubungan dua hala yang erat antara Persatuan Pesara dan Jabatan Pertanian. Sehubungan itu, saya merakamkan penghargaan atas kesudian Persatuan

untuk bekerjasama dengan Jabatan, khususnya dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai serta kakitangan Jabatan. Penglibatan pesara berpengalaman sebagai tenaga pengajar, khususnya dalam bidang pengembangan di Institut Latihan Pertanian (ILPP) Serdang, merupakan satu pendekatan yang amat berharga dan wajar diteruskan.

7. Pendekatan ini membuktikan bahawa pengalaman dan kebijaksanaan 'orang lama' masih relevan dan mampu menjadi panduan kepada generasi baharu. Perbezaan pendekatan dan cara kerja antara generasi lama dan muda, sekiranya digabungkan secara harmoni, pastinya memberi manfaat besar melalui pertukaran idea, pandangan dan pengalaman.
8. Selain itu, saya juga dimaklumkan bahawa Persatuan telah menganjurkan beberapa siri lawatan ke negeri-negeri, yang memberi peluang kepada para pesara untuk melawat projek-projek Jabatan serta berinteraksi dengan pesara dan warga Jabatan di peringkat negeri. Aktiviti seumpama ini sememangnya dapat merapatkan hubungan antara pegawai,

pengusaha dan pesara, dan pihak Jabatan sentiasa menyokong usaha-usaha murni sedemikian.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Izinkan saya meneruskan ucapan ini dengan menyampaikan Amanat Tahun 2026 Jabatan Pertanian. Saya berharap perkongsian ini dapat memberi manfaat dan gambaran yang jelas kepada para pesara mengenai hala tuju, cabaran serta aspirasi Jabatan Pertanian bagi tahun ini.

(Amanat KPP Tahun 2026 – rujuk slaid)

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-11 Persatuan Pesara Jabatan Pertanian.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.